

# Nur Syazwani berkongsi rahsia

UB 26.11.2013 A3  
Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH  
utusanborneokk@gmail.com

► **Pilihan untuk belajar sendiri bawa kejayaan, terima Anugerah Pelajaran Diraja (Bumiputera)**

**KOTA KINABALU:** Memilih untuk belajar sendiri dan menumpukan sepenuh perhatian dalam pembelajaran membawa kepada kejayaan buat Nur Syazwani Yusof, 23, graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Selain ijazah, Nur turut dianugerahkan Anugerah Pelajaran Diraja (Bumiputera) sempena Majlis Konvokesyen ke-15 UMS yang disampaikan Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin.

Bercerita mengenai dirinya,

Nur berkata dia lebih selesa belajar sendiri berbanding belajar secara berkumpulan bersama rakan selain dirinya yang kurang aktif dalam aktiviti luar kampus.

“Padependapatsaya, belajar sendiri atau belajar secara berkumpulan kedua-duanya mempunyai keburukan dan kebaikan masing-masing, ianya bergantung kepada cara belajar individu itu sendiri.

“Kelebihan belajar sendiri adalah kita dapat menumpukan sepenuh

perhatian kepada pelajaran berkenaan.

“Manakala belajar berkumpulan pula dapat berkongsi pengetahuan tentang pelajaran selain rakan-rakan lain yang lebih arif mampu membantu memberi tunjuk ajar dalam pelajaran yang lemah,” katanya.

Anak kedua dari empat beradik itu berkata bidang yang dipilihnya adalah ingin mengikuti jejak langkah ibunya, Saripah Kahar, 49, yang bertugas sebagai guru



**NGOIDING** (kiri) dan **Ngoimiew** (kanan) menunjukkan ijazah mereka.

di Sekolah Kebangsaan (SK) Pintas, Beaufort.

“Minat mendalam kepada bidang pendidikan selain mengikuti jejak langkah ibu mendorong saya untuk lebih bersemangat meneruskan pelajaran seterusnya menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Bumiputera) UMS.

“Ini adalah hadiah terbaik buat ibu dan bapa, dan terima kasih tidak terhingga kepada semua ahli keluarga, pensyarah serta rakan seperjuangan yang sentiasa memberi sokongan hingga saya berjaya,” katanya ketika ditemui di sini, kelmarin.

Nur berkata dia bercadang

memilih daerah kelahirannya di Beaufort sebagai penempatan untuk mengajar sebagai pendidik.

“Perancangan saya selepas ini adalah menunggu penempatan untuk mengajar anak bangsa sendiri dan jika diberi peluang saya memilih Beaufort sebagai tempat pilihan mengajar,” katanya.

Dia yang berjaya memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) iaitu 3.7 turut pernah menerima Anugerah Dekan sebanyak tujuh kali.

Dalam pada itu, pasangan kembar, Sazlina Abdullah, 22, dan Sabrina Abdullah,

**NUR Syazwani** bersama ijazah yang diterimanya.

22, berasal dari Miri, Sarawak turut merakamkan rasa gembira kerana kedua-dua mereka berjaya mendapatkan ijazah yang diinginkan selama ini.

Sazlina menerima Ijazah Sains Sosial Perhubungan Antarabangsa manakala Sabrina menerima Ijazah Sains dan Teknologi Sains Marin.

Sazlina berkata dia tidak pernah berpisah dengan kakak kembarnya sejak kecil sehinggalah pilihan untuk memasuki UMS juga dibuat kerana ingin bersama dengan

kakaknya.

Walaupun memilih bidang yang berbeza namun sifat saling membantu di antara dua kembar yang menuntut selama tiga tahun ini membolehkan mereka berjaya dalam kursus yang dipilih.

Selain Sazlina dan Sabrina, satu lagi pasangan kembar cemerlang adalah Ngoiding Ding, 25, (Ijazah Pendidikan Dengan Sains Sosial) dan Ngoimiew Miew, 25, (Ijazah Pendidikan Dengan Ekonomi) daripada Sibul, Sarawak.



**SAZLINA** (kiri) dan **Sabrina** (kanan) bersama ibu mereka.